

Hari Keputeraan Ke-75 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

Pemimpin perlu ikhlas berkhidmat demi negara

Tuanku Muhriz mahu mandat diberi rakyat dimanfaatkan dengan baik

Kuala Pilah: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, bertitah pemimpin yang diberikan mandat oleh rakyat perlu mempunyai keikhlasan tinggi untuk berkhidmat demi rakyat dan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan sendiri.

Baginda bertitah, ini kerana konflik dan budaya politik yang sempit secara berterusan hanya akan memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak stabil dan rapuh. "Walaupun dalam kalangan kita wujud perbezaan agenda dan ideologi, namun beta yakin tentu ada persamaan terutama dalam agenda pembangunan dan kebajikan rakyat bagi membentuk negara yang lebih makmur," titah baginda.

Baginda bertitah demikian



Tuanku Muhriz berkenan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama sempena Hari Keputeraan Ke-75 baginda di Padang Awam Seri Menanti, semalam.

(Foto BERNAMA)

pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena Hari Keputeraan Ke-75 baginda di Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti, dekat sini, semalam.

Turut berangkat ke majlis berkenaan, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku

Besar Mahmud.

Kutipan hasil RM621 juta

Tuanku Muhriz bertitah, momentum pemulihan ekonomi Negeri Sembilan pada 2021 dilihat terus ampuh dengan pertumbuhan positif tiga peratus berbanding rekod penyusutan pada tahun sebelumnya, menerusi usaha proaktif kerajaan negeri menangani cabaran pasca COVID-19 serta penyusunan strategi bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi secara inklusif.

Tuanku Muhriz turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri kerana berjaya merekodkan pencapaian jumlah kutipan hasil yang begitu baik, iaitu RM521 juta sepanjang 2022, melebihi sasaran awal sebanyak RM432 juta.

Namun, titah baginda dalam kelegaan menikmati pertumbuhan ekonomi negeri yang semakin baik, prospek ekonomi dunia pada tahun ini dijangka suram serta bakal mengalami kelembapan dengan Malaysia turut tidak terkecuali daripada terkena tempas ke-

tidaktentuan ekonomi global.

Baginda turut menyeru kepada semua sektor awam untuk meningkatkan lagi kecekapan tadbir urus, sistem penyampaian dan pengurusan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Seramai 540 individu menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan ke-75 baginda semalam dengan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik dan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir mendahului senarai penerima.

Kedua-dua mereka dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat pengurniaan darjah kebesaran Negeri Sembilan berlangsung dalam tiga sesi dengan sesi pertama semalam memabitkan 109 penerima, sesi kedua pada 31 Januari dan sesi ketiga 7 Februari. BERNAMA

64 inisiatif pelbagai bidang bantu hidup rakyat

Kuala Pilah: Kerajaan Negeri Sembilan merangka 64 inisiatif dalam pelbagai bidang untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat ketika pertumbuhan ekonomi diramal perlahan, tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata inisiatif itu merangkumi pemerkasaan ekonomi rakyat, kebajikan, pendidikan, modal insan, pembangunan belia dan wanita serta pentadbiran.

Katanya, kerajaan negeri mengunjurkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun ini berkembang antara empat hingga lima peratus.

"Kepemimpinan kerajaan negeri akan sentiasa bersedia meneliti perancangan pembangunan dan konsensus pemimpin bagi memenuhi harapan dan inspirasi rakyat.

"Periuk nasi sama diisi, untung sama berbagi, maka kekayaan dan kemakmuran hasil negeri yang sedang dikecapi ini, diukir agar kekal mampan dan berdaya tahan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sembah ucapan tahniah dan taat setia sempena Hari Keputeraan Ke-75, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Istana Seri Menanti, di sini, semalam.

Turut berangkat, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri terus melangkah ke hadapan dengan melancarkan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS 2021-2025) dan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2027 (PEDNS 2027) berasaskan prinsip utama kemakmuran ekonomi serta merencanakan pembangunan ekonomi digital.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negeri menunjukkan perkembangan yang positif pasca COVID-19 dengan KDNK mencatatkan peningkatan dengan kadar pertumbuhan sebanyak tiga peratus pada 2021 berbanding negatif 3.6 peratus pada tahun 2020.

Perdana Menteri merafak sembah tahniah kepada Tuanku Muhriz

Seremban: Datuk Seri Anwar Ibrahim merafak sembah tahniah kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Ke-75 baginda, semalam.

Perdana Menteri turut mendoakan Tuanku Muhriz dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud

serta seluruh kerabat diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan.

"Semoga Duli Tuanku kekal qasar (tenang) memerintah rakyat Negeri Sembilan dengan adil dan saksama.

"Dirgahayu Tuanku," katanya menerusi hantaran yang dimuat naik dalam Facebook rasminya, semalam. BERNAMA